

## **Pelancongan Budaya di Koridor Ekonomi Wilayah Pantai Timur (ECER): Isu dan Cabaran**

*Cultural Tourism in East Coast Economic Region (ECER): Issues and Challenges*

Habibah Ahmad  
Hamzah Jusoh  
Pusat Pengajian Sosial Pembangunan dan Persekitaran  
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan Ismail

Chamhuri Siwar  
Shahrudin Mohd  
Zairin Akma Zolkapli  
Institut Alam Sekitar dan Pembangunan (LESTARI)  
Universiti Kebangsaan Malaysia

Mohamad Shukri Hj Noor,  
Fakulti Ekonomi dan Perniagaan  
Universiti Kebangsaan Malaysia

### **ABSTRAK**

Pelancongan budaya, merupakan salah tarikan utama dalam pembangunan produk pelancongan bagi , seperti yang telah dirancang dalam pelan pembangunan komprehensif Koridor Ekonomi Wilayah Pantai Timur (ECER). Pelancongan budaya sebenarnya juga terjelma dalam konteks budaya tampak (tangible) dan bukan tampak (intangibe) dalam pelbagai aspek penawaran pelancongan di negeri-negeri yang berada di wilayah ini. Setelah menjangkau empat tahun (2008-2011) pembangunan pelancongan terlaksana dalam konteks wilayah, pencapaian negeri-negeri ini dalam konteks pelancongan budaya masih belum dapat diukur ke mana dan di mana tahap pencapaiannya. Apalagi mampu menempa nama sebagai niche pelancongan negara dalam konteks wilayah yang kaya dengan budaya tradisi. Sehubungan itu, kertas kerja ini bertujuan meneliti perkembangan pencapaian pelancongan budaya dalam tempoh tersebut dengan menjurus kepada pengenalpastian isu dan cabaran dalam memacu pelancongan budaya di wilayah pembangunan lestari ECER. Kertas ini menghujahkan tanpa adanya kerangka pendekatan dalam meneliti seni budaya sebagai satu ilmu pengetahuan tempatan tinggi dan sebagai industri yang kreatif, berbakat dan menjana kewangan, peluang memajukan pelancongan budaya masih terhalang oleh isu yang konvensional dan ini tentunya memberi cabaran kepada pelbagai pihak untuk membangunkan pelancongan budaya di wilayah ECER.

Kata kunci: pelancongan budaya, budaya tempatan, industri kreatif dan ilmu pengetahuan tempatan tinggi.

### **ABSTRACT**

*Cultural tourism has been acknowledged as one of the key components of tourism sustainability in East Coast Economic Corridor Region (ECER). As the major tourism product in ECER, cultural tourism is manifested in any two of these dimensions, tangible or non-intangible experiences. After four years (2008-2011) of implementation of ECER's tourism development programmes, however, the achievement of cultural tourism in the region was still questionable, especially to what level or standard of performance have these states achieved. More important, its capability of becoming niche tourism in area richly endowed with cultural traditions. Accordingly, this paper seeks to examine the development of cultural tourism achievements, with attempts at identifying issues and challenges that delay its development for sustainable ECER. This paper argues without a framework of approaches that examine the cultural arts as a high local knowledge and as a creative industry, talent, and generate incomes, opportunities for cultural*

*tourism development is still hindered by the issue of conventional and of course pose a challenge to the various stakeholders to develop cultural tourism in ECER region.*

*keywords: creative industries, cultural tourism, local culture and local knowledge high.*

## **PENGENALAN**

Pelancongan budaya dan warisan merupakan salah satu daya tarikan pelancong untuk melawat sesebuah kawasan. Perbezaan budaya dan warisan di tempat mereka mendorong para pelancong ingin mengetahui dengan lebih mendalam budaya dan warisan tempatan, sama ada dengan pemerhatian atau mengalami sendiri. Memang tidak dapat dinafikan bahawa wilayah ECER terutama Pahang, Kelantan dan Terengganu merupakan kawasan yang kaya dengan produk budaya tempatan yang masih lagi bertahan dan dikenali pelancong luar mahupun domestik.

Para sarjana dalam bidang pelancongan (Smith 1979, Peter 1969, Robinson 1976, McIntoch *et.al* 1995), dan badan-badan utama penganjur aktiviti pelancongan budaya sedunia seperti European Centre for Traditional and Regional Cultures (ECTARC) dan United Nations World Tourism Organization (UNTWO) (dalam Richards 1996) merumuskan pada asasnya pelancongan budaya adalah subsektor pelancongan yang berpaksikan hasil “buatan-manusia” sama ada dijadikan produk atau daya tarikan langsung ataupun merupakan faktor yang menjadi perhitungan untuk melawat sesuatu destinasi. Namun begitu konsep pelancongan budaya masih belum dapat didefinisikan secara tepat kerana terdapat pelbagai ideologi yang diutarakan oleh para pengkaji mengenai pelancongan budaya ini. Perkara ini agak rumit kerana mentakrifkan konsep budaya itu sendiri pelbagai dan banyak takrifannya (Kroeber dan Kluckhohn 1963).

Walau bagaimanapun, kebelakangan ini persoalan pelancongan dan budaya sebagai dua entiti sosial yang terasing semakin kabur. Beberapa sarjana seperti MacCannell dan Urry cenderung untuk menyatukan kedua-dua konsep tersebut. Bagi MacCannell (1972), pelancongan merupakan pengalaman budaya, manakala Urry (1990) pula mengatakan pelancongan adalah budaya (dalam Richard 1996: 25). Pandangan yang mereka berikan boleh diterima pakai namun, pandangan ini terlalu umum dan tidak sesuai dijadikan kerangka analisis kerana tidak membezakan aktiviti pelancongan yang pelbagai. Secara lebih khusus, pelancongan budaya dapat disimpulkan sebagai pergerakan seseorang ke tempa tarikan budaya sama ada budaya itu ‘tinggi’ mahupun ‘rendah’ demi untuk mendapat pengetahuan, pengalaman dan menguatkan daya apresiasinya. Budaya tinggi adalah budaya yang dikaitkan dengan penduduk kota, golongan bangsawan yang kenal huruf dan berkuasa. Bentuk-bentuk budaya tinggi ialah seperti sastera bertulis, muzik klasik dan artifak yang bermutu tinggi dan halus. Budaya rendah adalah budaya rakyat yang tinggal di luar kota tidak berkuasa dan buta huruf. Budaya mereka lebih kasar dan sederhana. Walau bagaimanapun, dalam konteks budaya Melayu terlalu sukar untuk membuat pembahagian jelas antara budaya tinggi dengan budaya rendah (Wan Abdul Kadir 1995). Secara umum budaya antara golongan bangsawan dan rakyat terdapat percampuran. Umpamanya persembahan mak yong atau wayang kulit dikongsi oleh golongan istana dan rakyat.

Pengertian pelancongan budaya membawa maksud yang lebih luas menjadikan sektor ini lebih unik. Terdapat beberapa tujuan kajian ini dilakukan. Pertama ialah untuk mengenalpasti aspek penawaran produk budaya yang terdapat di wilayah berkenaan. Produk budaya yang ditawarkan meliputi budaya tampak (*tangible*) dan budaya bukan tampak (*intangible*). Dalam masa yang sama, mahu mengenalpasti sejauh manakah kemampuan dan kekuatan produk tersebut di samping melihat kesan pelancongan ke atas perkembangan atau kemerosotannya. Kedua, kajian ini bertujuan mengenalpasti pencapaian wilayah ini dalam konteks pelancongan budaya sejak penubuhan ECER. Kajian ini mengkaji keberkesanan input yang telah digunakan dalam membangunkan pelancongan budaya di wilayah ini. Ketiga, kajian ini dilakukan untuk mengenalpasti isu dan cabaran dalam membangunkan pelancongan budaya di wilayah ini. Isu yang timbul menghalang peluang untuk memajukan pelancongan budaya ini perlu dikenalpasti dan menjadi cabaran kepada pelbagai pihak untuk membangunkannya.

## **PERKEMBANGAN PELANCONGAN BUDAYA DI WILAYAH ECER**

Pencapaian ECER dalam menarik pelancong umumnya dapat memberikan panduan tentang perkembangan produk pelancongan budaya di wilayah ini. Ini kerana produk ini merupakan asas pengkaryaan aktiviti dan

program pelancongan yang diadakan saban tahun di setiap negeri di wilayah ECER. Berdasarkan purata penghunian hotel di wilayah ini pada tahun 2006 hingga 2010, didapati umumnya wilayah mengalami kemerosotan dari segi purata penghunian hotel atau tempat penginapan. Jadual 1 menunjukkan purata penghuni hotel di Wilayah ECER pada tahun 2006 hingga 2010. Negeri Trengganu didapati mengalami kemerosotan yang agak ketara iaitu dari 59.2% bagi tahun 2008 kepada 42.8% pada tahun 2010 Namun begitu Pahang menunjukkan sedikit peningkatan pada tahun 2010 (76.6%) walaupun merosot pada tahun 2009 (76.3%) dari 77.2% pada tahun 2008. Kelantan juga mengalami kemerosotan pada tahun 2008 (54%) tetapi pada tahun 2009 menurun sehingga 50.7%. Namun begitu, ia kembali meningkat sebanyak 51.8% pada tahun 2010.

Sementara itu, data keluaran Pelancongan Malaysia menunjukkan jumlah pelancong asing menginap di hotel Kelantan menurun daripada 85433 pada 2009 kepada 74926 pada tahun 2010 (Jadual 2). Negeri Terengganu mengalami penurunan dari tahun 2009 iaitu 178101 kepada 132255 pada tahun 2010. Begitu juga Pahang yang mencatat penurunan penginap hotel asing 3,721,528 pada tahun 2009 kepada 3,208,509 pada tahun 2010. Penurunan ketara bagi pelancong domestik berlaku di negeri Pahang, iaitu mencatatkan jumlah 5,931,381 pada 2009 kepada 4,950,867 bagi tahun 2010. Negeri Terengganu mengalami sedikit peningkatan pada tahun 2009 (1,041,026) manakala pada tahun 2010, jumlah ini meningkat kepada 1,117,305.

Jadual 3 menunjukkan penyediaan hotel dan bilik di ECER. Penyediaan hotel di Kelantan mengalami kemerosotan, iaitu 81 buah pada 2009 kepada 79 buah pada 2010; sementara Pahang mengalami peningkatan dari 285 buah pada 2009 kepada 298 pada 2010. Negeri Trengganu agak statik penyediaan hotel dan biliknya pada tahun 2009 dan 2010, iaitu masing-masing 157 hotel dan 7005 penyediaan bilik. Bagi penyediaan bilik, Kelantan mengalami sedikit peningkatan iaitu pada tahun 2009 (3682) meningkat pada tahun 2010 (3692). Begitu juga dengan Pahang yang mengalami peningkatan dari jumlah 24075 bilik pada tahun 2009 kepada 24127 bilik pada tahun 2010.

## **STRATEGI PEMBANGUNAN PELANCONGAN DI WILAYAH ECER**

Dalam mencapai hasrat untuk melestarikan produk budaya di wilayah ECER ini, pelbagai strategi telah dirancang antaranya ialah:

1. Memberi tumpuan terhadap pelancongan bandar sebagai produk pelancongan yang memberi hasil tinggi
2. Gabungan pelancongan budaya sebagai usul penjualan yang unik untuk industri pelancongan di ECER
3. Menggalakkan pelaburan pelancongan dan pembangunan di kawasan pedalaman
4. Menggunakan pelancongan sebagai pemangkin untuk pengurangan kemiskinan dan pemuliharaan warisan budaya
5. Mengadakan acara persada untuk ECER

Dalam menggalakkan pelancongan bandar, pelan komprehensif ECER telah memperkenalkan beberapa inisiatif. Antaranya i) meletakkan Kuala Terengganu sebagai hub pelancongan ECER. Inisiatif ini menekankan citra produk budaya iaitu menggabungkan muzium, galeri dan perkampungan budaya untuk membentuk satu pengalaman besar kepada para pelancong. ii) Menjadikan maritim sebagai sumber pelancongan budaya. Untuk mewujudkan pelancongan yang lebih interaktif, pakej pelancongan yang menggabungkan pakej melawat muzium, galeri kesenian dan perkampungan budaya dan maritim diperkenalkan. Namun begitu, kejayaan projek ini bagaimanapun bergantung kepada beberapa aspek termasuk kecekapan kemudahan pengangkutan dan penglibatan pelbagai sektor.

Selain itu, langkah untuk memperkuat lagi imej Kota Bharu sebagai destinasi pelancongan budaya juga dilaksanakan. Untuk merealisasikan projek ini, bantuan kewangan dikenalpasti sangat diperlukan oleh para penggiat produk kraftangan. Kota Bharu sehingga ke Pantai Cahaya Bulan dijangkakan berubah kepada koridor kraftangan apabila langkah membangun dan meningkatkan bengkel kraf dan galeri diberikan perhatian. Bagi menggerak pusat penjualan yang unik, langkah menaik taraf corak, produksi, latihan dan pemasaran batik dan kraftangan tempatan diberikan perhatian. Projek ini melibatkan tenaga pengajar mahir yang terdiri daripada tukang kraf dan tukang seni, dan mereka sewajarnya menurunkan ilmu kesenian kepada pengkarya baru. Produk kraftangan ini dikatakan dapat

dipasarkan dengan harga yang tinggi apabila mendapat pengiktirafan United Nations Educational, Scientific and Cultural Organization (UNESCO), dan sebagai jaminan kualiti kraftangan.

Sementara itu dalam menggalakkan pelaburan pelancongan dan pembangunan di kawasan pedalaman, pelbagai inisiatif projek budaya dirancangkan. Antaranya ialah meletakkan Tasik Kenyir sebagai imej pelancong melalui pembangunan Pengkalan Gawi/Pulau Poh sebagai destinasi pelancongan asas keluarga. Dalam projek ini, perkampungan budaya akan didirikan untuk mempamerkan senibina dan budaya Terengganu.

Satu lagi inisiatif dalam memperkayakan pelancongan budaya ialah menggalakkan pelancongan pro-rakyat miskin dan pemuliharaan warisan budaya melalui program homestay atau inap desa. Dalam membangunkan homestay, dua pendekatan disyorkan iaitu menaiktaraf homestay yang sedia ada dan memperkenalkan konsep tinggal di kampung. Di antara agensi yang terlibat dalam membangunkan projek ini ialah Lembaga Khusus ECER, Kementerian Pelancongan, *Tourism Malaysia*, *Institute of Rural Advancement* (INFRA), Malaysian Hotel Association dan Kementerian Pembangunan Wilayah dan Luar Bandar. Di antara program ini ialah membentuk imej dan identiti setiap homestay serta membina pentas untuk persembahan kebudayaan.

Sementara itu strategi dalam menjadikan ECER sebagai destinasi acara persada juga boleh memacu pelancongan budaya. Acara-acara yang dipersembahkan seharusnya setanding dengan acara di peringkat antarabangsa dan melibatkan penonton antarabangsa, dan bukan sahaja melibatkan penyertaan perseorangan tetapi juga kelab peminat. Monsun Cup umpamanya adalah contoh bagaimana budaya dapat dimertabatkan sebagai acara persada dunia.

## **PRODUK BUDAYA DI WILAYAH ECER: KELESTARIAN DAN KETERANCAMAN**

Terdapat banyak produk budaya dalam wilayah ini, namun ada produk yang diberi perhatian dan ada produk yang menunggu masa untuk mengalami kepupusan. Memang tidak dapat dinafikan ada segelintir pihak berkepentingan memandang serius akan perkara ini namun, hanya segelintir produk yang terus dimajukan. Jadual 4, 5 dan 6 menunjukkan kedudukan produk budaya yang menjadi tarikan negeri masing-masing, dan berasaskan penelitian di lapangan dan laman sawang pada tahun 2009, didapati kedudukan kelestarian dan keterancaman produk adalah berbeza-beza.

Dari segi seni budaya dan tinggalan sejarah, walaupun ketiga-tiga negeri ini mempunyai aset yang tinggi, secara relatifnya inisiatif di Trengganu telah meningkatkan kelangsungan produk ini. Masjid lama dan tinggalan sejarah adalah warisan budaya tampak yang tinggi nilainya. Jika diteliti dari segi persembahan kebudayaan pula, apa yang ditunjukkan dalam pelancongan sejarah di Trengganu tidak dapat dikekalkan dalam konteks produk ini. Berbanding dengan negeri Kelantan yang begitu proaktif dalam meningkatkan seni tarian dan persembahan seperti Wayang Kulit dan Dikir Barat, inisiatif di Trengganu dalam produk sebegini kurang terserlah.

Sementara itu jika dilihat dari lonjakan pelancongan gastronomi kini, usaha kedua-dua negeri dalam meningkatkan produk ini ternyata mengarah kepada makanan yang mempunyai kegemaran penduduk luar dan dapat dikomersilkan kepada masyarakat bandar seperti Kuala Lumpur. Negeri Kelantan mempunyai citra yang lebih memberangsangkan dari segi tarikan makan minum ini.

Jika diteliti pengalaman tinggal bersama atau inap desa, kedudukan tarikan di kedua-dua negeri mengarah kepada kelerstariannya. Ini kerana homestay adalah satu daripada produk pelancongan negeri, justeru, kelestarian kampung dititikberatkan. Walau bagaimanapun daripada tinjauan pengkaji di Trengganu, percambahan rumah tumpangan yang diwarkan sebagai chalet telah menggugat kelestarian produk ini.

Sementara itu penelitian terhadap produk budaya di Pahang dan Mersing, mendapati arah aliran ini juga hampir sama dengan pola penawaran produk budaya di Kelantan dan Trengganu. Dari segi senibina, beberapa tarikan seperti Rumah Kelahiran Tun Razak dan Balai Polis Raub telah diangkat menjadi produk daerah yang ketara. Walau Pahang ada kelebihan seni tarikannya, hanya joget Pahang dan Gamelan lebih ketara daripada seni tarian lain. Negeri Pahang juga mempunyai penduduk Orang Asli yang ramai, dan tentunya kebudayaan komuniti ini mengarah kepada kelestarian budaya mereka. Tarian sewang semakin lestari ditari, jika dibandingkan dengan keunikan budaya masyarakat Orang Asli yang lain. Berkait rapat dengan luasnya hutan, seni ukiran kayu dan kraftangan, dilihat tidak mengarah kepada kelestarian. Ukiran anyaman bagaimanapun hanya menghasilkan seni karya yang belum menembusi persada dunia sebagai seni karya tinggi. Agak berbeza dengan di Mersing, kawasan yang berada di bawah ECER ini dilihat

memberikan penekanan kepada kesenian halus dari segi tarian dan persembahan. Malah, di Johor sekolah kesenian yang mengasah budaya negeri semakin disegani sebagai tempat munculkan karya seni budaya tinggi.

## ISU DAN CABARAN

Terdapat pelbagai isu dan cabaran dalam membangunkan produk pelancongan budaya di wilayah ini. Strategi yang dirancang adalah untuk mengenalpasti kelemahan yang terdapat dalam membangunkan pelancongan budaya di wilayah ini. Antara yang diketengahkan dalam membangunkan pelancongan budaya di wilayah ini ialah isu keaslian warisan budaya. Perkembangan budaya pelancongan ini adakala membawa kesan buruk kepada kedudukan warisan tradisi. Pihak pengusaha selalu menimbangkan kepentingan ekonomi tanpa meneliti kesan jangka panjangnya. Pengusaha selalu mengubah dan menyesuaikan sesuatu unsur tradisi itu mengikut kemahuan mereka sehingga tidak ada lagi keasliannya dalam unsur itu. Sebagai contoh, dapat diperhatikan tarian-tarian Melayu asli telah banyak disesuaikan dengan kehendak moden, dilakukan perubahan secara sewenang-wenang sehingga tidak wujud sifat aslinya. Keadaan ini boleh melenyapkan keaslian sesuatu unsur itu dan diganti dengan sesuatu yang baru. Generasi akan datang menghadapi masalah untuk mengesan dan memahami unsur-unsur budaya asli yang boleh menyatakan identiti masyarakat dan budaya Melayu.

Isu seterusnya ialah isu kemudahan jaringan dan pengangkutan. Keefisienan sistem pengangkutan sering kali menjadi isu dalam pembangunan pelancongan. Sesuatu kawasan pelancongan yang maju itu memerlukan jaringan pengangkutan yang baik dan mudah dikunjungi. Para pelancong sebenarnya lebih gemar menggunakan kemudahan awam untuk membawa bergerak ke destinasi yang diingini. Namun begitu penyediaan kemudahan pengangkutan di wilayah ini sangat tidak memuaskan malah, pengangkutan teksi dikatakan mengenakan bayaran yang agak mahal.

Isu politik juga menjadi salah satu faktor yang mengekang kelangsungan pelancongan di ECER. Dalam wilayah ini, Kelantan merupakan salah sebuah negeri yang dipimpin oleh Parti Islam SeMalaysia (PAS), justeru secara relatifnya mendapat sumber kewangan yang lebih kecil. Walau bagaimanapun, isu suntikan dana pusat dan negeri dalam membangun produk atau destinasi pelancongan menyerlahkan agihan kepada keutamaan projek. Dapat dilihat juga, pengagihan kewangan untuk memajukan industri pelancongan tertumpu di Pekan, kerana pelancongan di situlah pelancongan budaya yang bercitra tinggi dijangka dibangunkan.

Isu seterusnya ialah isu bahasa. Lazimnya Kelantan dan Terengganu mempunyai dialek yang berbeza berbanding bahasa standard Melayu, justeru, masalah bahasa mengundang kerumitan kepada pelancong, tidak kira pelancong domestik atau pelancong asing. Penggunaan dialek yang berbeza menyukarkan pertukaran maklumat antara penduduk setempat dengan pelancong. Didapati masalah ini ketara dalam kalangan pemandu pelancong yang dikatakan kurang fasih dalam Bahasa Melayu dan bahasa Inggeris. Batasan bahasa sebenarnya membesarkan jurang mendapatkan maklumat destinasi

Isu pewaris juga menyumbang kepada kemunduran pelancongan budaya di wilayah ini. Masalah pewaris adalah masalah terbesar yang dihadapi oleh mana-mana aset budaya khususnya dalam persembahan kesenian tradisional. Oleh kerana status persembahan tradisi telah merosot dalam masyarakat kini, maka ahli-ahlinya tidak ingin anak masing-masing mengikuti jejak langkah mereka. Mereka mahukan anak-anak mereka berkelulusan universiti untuk pekerja berkerjaya, yang kesemuanya bertaraf jauh lebih tinggi daripada pemain rebab atau dalang wayang kulit. Sikap ini menyebabkan tidak terdapat lapisan pengganti kepada pemain yang sudah tua. Sama halnya dengan seni kraftangan. Seni ini seolah-olah kurang diminati oleh golongan muda kerana menganggap seni ini sudah tidak berguna lagi dan tidak mendatangkan pulangan yang lumayan. Maka pelapis muda lebih gemar mempelajari ilmu lain yang lebih moden untuk diterapkan dalam kehidupan mereka.

Isu-isu yang dibangkitkan menjadi cabaran kepada pihak tertentu dalam melestarikan pelancongan budaya di wilayah ini. Cabaran yang harus diambil kira ialah cabaran dalam mengekalkan dan melestarikan warisan budaya di wilayah ini. Pihak tertentu seperti Kementerian Komunikasi dan Kebudayaan Malaysia hendaklah mengenal pasti aset-aset budaya yang dipasarkan agar tidak mengganggu keaslian budaya itu sendiri. Sebagai contoh pembuatan bot tradisional yang tidak menggunakan paku di Pulau Duyong hendaklah dikekalkan keasliannya. Walaupun dibuat menggunakan teknologi, namun keaslian bot dapat dikekalkan dengan ukiran tangan yang begitu tinggi nilainya. Pengetahuan membina bot ini juga wajar didokumentasikan.

Cabaran seterusnya ialah memperkasa sistem jaringan dan pengangkutan di wilayah ini. Sistem pengangkutan di wilayah ini harus dikenal pasti kelemahannya. Sistem penjadualan perjalanan bas yang teratur membolehkan para pelancong menyusun perancangan perjalanan mereka ke sesuatu destinasi. Jalan raya di sepanjang wilayah ini harus dilengkapi dengan pelbagai kemudahan seperti sistem perbankan dan kemudahan jalur lebar bagi memudahkan urusan para pelancong. Pembinaan lebuhraya yang menghubungkan wilayah ini dengan bandar-bandar besar seperti Kuala Lumpur dan Johor Bahru dapat meningkatkan lagi kehadiran pelancong ke wilayah ini. Kerajaan pusat juga hendaklah menyediakan kemudahan jalur lebar di seluruh wilayah ini untuk kemudahan para pelancong yang melancong di wilayah ini. Kemudahan Internet secara percuma melalui jalur lebar terbaru Winet, iEx-WiFi yang dilancarkan oleh Perdana Menteri pada 30 Januari 2010. Usaha ini perlu dijalankan di seluruh wilayah ECER bagi memudahkan pelancong dan penduduk mengakses maklumat dengan lebih mudah dan cepat.

Cabaran lain ialah meningkatkan pengetahuan bahasa dalam kalangan masyarakat dan pekerja sektor pelancongan di wilayah ini. Para pekerja dalam sektor ini perlu menguasai setidak-tidaknya bahasa Inggeris supaya mudah berkomunikasi dengan pelancong luar, tanpa memperkecilkan penggunaan bahasa Melayu dalam hospitaliti. Pemandu pelancong khususnya, hendaklah mengetahui secara mendalam tempat-tempat warisan dan pelancongan budaya di wilayah ini. Mereka adalah perantara dalam memasarkan produk pelancongan budaya di wilayah ini dengan dunia luar.

Cabaran untuk memastikan kelestarian pewarisan selanjutnya ialah latihan dan pembangunan sumber manusia yang berterusan, terutama kepada mereka yang bertanggungjawab mengeluarkan produk atau tarikan di wilayah ini. Untuk mengelak berlakunya kepupusan pewaris seperti tukang kraf dan artisan, pihak kerajaan hendaklah mengambil inisiatif dalam membuka pusat pengajian yang dapat mempertahankan khazanah bangsa ini, seperti Akademi Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan (ASWARA) dan Institut Kraf Negara. Dengan wujud kesinambungan pewarisan, warisan ini dapat dipertahankan dengan penglibatan generasi muda. Pembukaan galeri dapat menarik minat generasi muda meneruskan warisan ini.

Cabaran seterusnya ialah cabaran mendapatkan sokongan kewangan dari pihak kerajaan mahupun pihak swasta. Sumber kewangan yang mencukupi mampu menaik taraf produk pelancongan seterusnya mencipta kelestariannya. Kewangan yang mencukupi membantu artisan dan pengkraf untuk menghasilkan produk bermutu tinggi. Apabila produk budaya semakin mendapat tempat di hati masyarakat, para pelancong akan lebih tertarik mengunjungi kawasan pembuatan produk tersebut dan akhirnya pelancongan budaya dapat dimajukan selaras dengan kehendak semasa.

Secara kesimpulannya, berdasarkan analisis, kedudukan pelancongan budaya di wilayah ini masih berada dalam keadaan yang belum memuaskan dan masih memerlukan pendekatan holistik untuk memartabatkan pelancongan budaya. Pelancongan budaya memerlukan bukan sahaja pengkaryanya dipertahankan, tetapi juga memerlukan penambahbaikan ruang tontotan dan peragaan yang menzahirkan pengalaman pelancongan yang lestari.

## Rujukan

- Kroeber, A.L. & Kluckhohn, C. (1963). *Culture – A Critical Review of Concepts and Definitions*. New York: Vintage Books.
- Master Plan ECER: Tourism*.
- McIntosh, R.W., Goeldner, C.R., & Ritchie, J.R.B. (1995). *Tourism: Principles, Practices, Philosophies*. Edisi ke-7. New York: John Wiley & Son, Inc.
- Milena Ivanovic. (2008). *Cultural Tourism*. Cape Town: Juta & Company. Ltd.
- Peters, Michael. (1969). *International Tourism: The Economics and Development of the International Tourist Trade*. London: Hutchinson.
- Richards, G. (1996). *The scope and significance of cultural tourism* dlm. Richards, G. (pnyt.). *Cultural Tourism in Europe*. Wallingford: CAB International.
- Robinson, H. (1976). *A Geography of Tourism*. London: MacDonald and Evans.
- Smith, Valene, L. (1979). *Host and Guests: The Anthropology of Tourist*. Philadelphia: University of Pennsylvania Press.
- Wan Abdul Kadir Yussof. (1995). *Tradisi Budaya Melayu Menghadapi Proses Kemodenan” dalam Kebudayaan Melayu di Ambang Abad Baru: Satu Himpun Makalah*. Universiti Kebangsaan Malaysia: Jabatan Persuratan Melayu

Yahaya Ibrahim, Sulong Mohamad dan Habibah Ahmad. (2008). *Pelancongan Malaysia: Isu, Pembangunan, Budaya, Komuniti dan Persempatan*. Sintok: Universiti Utara Malaysia.

Jadual 1: Purata Penghuni Hotel di Wilayah ECER dan Malaysia 2006 – 2010

<b>Negeri</b>	<b>2006</b>	<b>2007</b>	<b>2008</b>	<b>2009</b>	<b>2010</b>
<b>Malaysia</b>	65.5	70	66.3	60.9	59.3
<b>Kelantan</b>	55.3	57.5	54	50.7	51.8
<b>Terengganu</b>	63.4	64.6	59.2	49.1	42.8
<b>Pahang</b>	74.2	78.1	77.2	76.3	76.6

Sumber: *Pelancongan Malaysia*, 2011

Jadual 2: Penghuni Hotel ECER

Negeri	2007		2008		2009		2010	
	Malaysia	Pelancong Asing	Malaysia	Pelancong Asing	Malaysia	Pelancong Asing	Malaysia	Pelancong Asing
KELANTAN	766,326	84,611	933,518	77,461	761,910	85,433	753,755	74,926
TERENGGANU	1,018,426	150,325	1,398,347	142,076	1,041,026	178,101	1,117,305	132,255
PAHANG	4,461,258	2,904,680	6,420,080	3,690,428	5,931,381	3,721,528	4,950,867	3,208,509

Sumber: Pelancongan Malaysia, 2011

Jadual 3: Penyediaan Hotel dan Bilik di ECER

Negeri	Penyediaan Hotel				Penyediaan Bilik			
	2007	2008	2009	2010	2007	2008	2009	2010
Kelantan	82	81	81	79	3,666	3,682	3,682	3,692
Terengganu	193	157	157	157	7,154	7,005	7,005	7,005
Pahang	322	292	285	298	20,656	22,337	24,075	24,127

Sumber: Pelancongan Malaysia, 2011



Jadual 4: Produk Budaya di Kelantan

KELANTAN		Aset ↑	Aset ↓
Seni bina/ Tinggalan Sejarah	Masjid Lama Mulong	√	
	Masjid Kg. Laut	√	
	Masjid Kota		√
	Masjid Langgar		√
	Rumah Api Tumpat		√
	Bank Pitis		√
	Jambatan Bijih		√
Persembahan Kebudayaan	Istana Sri Akar	√	
	Istana Balai Besar	√	
	Wayang Kulit	√	
	Mak Yong	√	
	Menora		√
	Main Puteri		√
Kraftangan	Dikir Barat	√	
	Tarian Asyik		√
	Tembaga		√
	Ukiran Kayu	√	
	Tembikar		√
Makanan	Anyaman Buluh dan Rotan		√
	Nasi Kerabu	√	
	Akok	√	
	Tahik Itik		√
	Budu	√	
Tekstil	Etok		√
	Batik	√	
	Tenunan Songket	√	
Permainan Tradisional	Wau	√	
	Gasing	√	
	main choh		√
	Golek Para		√
	Kertok		√
	Belaga kukoran		√
Lain-lain	Homestay	√	
	Perkampungan Budaya	√	
	Gelanggang seni		√
	Pesta-pesta di perkampungan Siam	√	

Jadual 5: Produk Budaya di Terengganu

TERENGGANU		Aset ↑	Aset ↓
Seni bina/Tinggalan Sejarah	Istana Tengku Long		√
	Istana Maziah	√	
	Rumah Terengganu		√
	Muzium Terengganu	√	
	Masjid terapung	√	
	Masjid Abidin	√	
	Chinatown	√	
	Batu Bersurat Terengganu	√	
	Bukit Besi		√
	Bukit Puteri		√

Persembahan Seni Kebudayaan	Gamelan	√	
	Tarian Ulek Mayang		√
	Tarian Balai		√
	Tarian Saba		√
	Tarian Inang		√
	Rodat		√
	Tarian Watimang Landak		√
Kraftangan	Seni Anyaman	√	
	Ukiran Kayu	√	
	Tembaga		√
	Emas		√
Tekstil	Batik	√	
	Songket	√	
	Sutera	√	
Makanan	Sata	√	
	Nasi Dagang	√	
	Tepung Pelita		√
	Jala Emas		√
Permainan tradisional	Sepak raga		√
	Bola cetong		√
	Kali katu		√
	Terompah gergasi		√
Lain-lain	Homestay	√	
	Pura tanjung sabtu	√	
	Pulau Duyong ( <i>boat making</i> )	√	
	Keris		√